



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 12/2022**

**20 DISEMBER 2022 | SELASA**

**10.00 PAGI | DEWAN SIMFONI, BUKIT LAGONG**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**

Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis

**MPS              Bil.12/2022              bagi              bulan              Disember**

pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 30 November 2022, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa sebanyak RM100.56 juta (94.60%) daripada RM106.30 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM6.39 juta (79.93%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8 juta.

## **2. WARAN TAHANAN / SITAAN HARTA ALIH**

- 2.1 MPS telah mengeluarkan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM100.00 kepada pemilik premis yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Mulai 1 Oktober 2022 sehingga 30 November 2022, sebanyak 19,910 waran telah diproses dan 16,731 waran telah dihantar. Pemilik dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh 7 hari setelah waran dilaksanakan bagi mengelakkan tindakan sitaan harta alih diambil.
- 2.2 Orang ramai diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan

sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing. Semakan dan bayaran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>.

### **3. KEMPEN KUTIPAN BAGI KAWASAN KAMPUNG DAN RUMAH KOS RENDAH YANG DIKECUALIKAN CUKAI**

- 3.1 Selain itu, MPS masih meneruskan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi kawasan kampung dan rumah kos rendah yang mendapat pengecualian cukai sehingga 31 Disember ini.
- 3.2 Memandangkan bulan ini adalah bulan terakhir kempen ini, saya berharap agar orang ramai yang masih mempunyai tunggakan mengambil peluang ini untuk membuat bayaran secara penuh bagi membolehkan anda mendapat pembatalan waran tahanan dan caj yang dikenakan sebanyak 100%.

### **4. PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SECARA DIGITAL**

- 4.1 Untuk makluman, semua pemegang lesen premis perniagaan boleh membuat pembaharuan dan

pembayaran lesen perniagaan masing-masing secara dalam talian mulai 1 November 2022 yang lepas.

- 4.2 Pemegang lesen perniagaan juga perlu mengemaskini maklumat masing-masing di [lesendigital.mps.gov.my](http://lesendigital.mps.gov.my) dan seterusnya membuat pembayaran di MyMPS serta boleh mencetak sendiri lesen perniagaan mereka tanpa perlu lagi hadir ke pejabat MPS.
- 4.3 Inisiatif MPS ini adalah untuk memudahkan proses pembaharuan lesen dibuat secara dalam talian tanpa perlu berurusan secara fizikal di kaunter.
- 4.4 Walaubagaimanapun, bagi pemegang lesen minuman keras/arak, visual/billboard, Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), rumah urut/ refleksologi, pusat siber/ kafe siber, hotel, barang lusuh dan kuari, proses bayaran perlu dibuat melalui MyMPS dan mereka perlu hadir ke Jabatan Pelesenan MPS untuk mengambil lesen perniagaan mereka.
- 4.5 Jadi, saya berharap semua pemilik premis perniagaan untuk membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan sebelum tempoh 31 Disember 2022 untuk mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10%

dari pada jumlah aktiviti lesen dikenakan kepada mereka.

- 4.6 Untuk makluman, pengoperasian kaunter pembaharuan lesen perniagaan (MyMPS) bagi tahun 2023 juga akan dibuka pada hari Sabtu, 24 dan 31 Disember 2022, pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Ini bagi memudahkan urusan pembaharuan lesen menjadi lebih teratur dan efisien kepada para pelanggan MPS.

## **5. PENGHARGAAN KEPADA URUS SETIA SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI & PROGRAM TANAM 25 RIBU POKOK**

- 5.1 Alhamdulillah, pada 16 Disember yang lepas, sempurnalah sudah Sambutan Hari Inovasi dan Integriti MPS Tahun 2022. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan urus setia iaitu Jabatan Korporat yang telah bertungkus-lumus untuk menjayakan sambutan tersebut.
- 5.2 Juga tidak dilupakan, pada Sabtu yang lepas kita telah bersama-sama turut serta menjayakan Program Tanam 25 Ribu Pokok sempena 25 Tahun MPS.

Syukur semuanya telah berjalan dengan lancar. Tahniah kepada Jabatan Landskap atas penganjuran program kehijauan ini.

- 5.3 Komitmen anda semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk mengharumkan nama MPS adalah amat bernilai dan saya berharap ia dapat dikenalkan untuk program-program yang akan datang.

## **6. TAKZIAH TRAGEDI TANAH RUNTUH DI BATANG KALI**

- 6.1 Pada 16 Disember lepas, kita digemparkan dengan kejadian tanah runtuh yang memilukan terjadi di Batang Kali. Sehubungan dengan itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memutuskan untuk menutup semua tapak perkelahan dan perkemahan di Negeri Selangor selama tujuh hari mulai 17 Disember 2022.
- 6.2 Diharapkan agar pihak-pihak bertanggungjawab dapat mematuhi arahan penutupan yang telah dikeluarkan dan kepada pasukan keselamatan yang terlibat, kami mendoakan agar semua dapat menjalankan tugas dengan cekal dan bersemangat supaya semua urusan dipermudah.

6.3 Dikesempatan ini juga, seluruh warga MPS mengucapkan takziah buat ahli keluarga mangsa-mangsa yang terkorban dalam tragedi tersebut.

## **7. PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN**

7.1 Seperti semua sedia maklum, selaras dengan pengumuman Kerajaan Negeri dalam pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada semua penjawat awam di Negeri Selangor, MPS akan mengagihkan BKK tersebut iaitu satu bulan gaji dengan minimum RM1,000.00 kepada Ahli-Ahli Majlis dan semua kakitangan MPS pada 29 Disember 2022.

7.2 Dikesempatan ini, saya ingin ucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor atas pengumuman ini dan diharapkan dengan inisiatif ini dapat meningkatkan lagi motivasi dan kualiti kerja dalam mencapai sasaran kerja tahun 2023.

## **8. KAJI SELIDIK PANDANGAN DAN CADANGAN**

8.1 Kaji selidik untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penduduk terhadap perkhidmatan,

kemudahan dan persekitaran Perbandaran Selayang masih lagi dibuka sehingga 31 Disember 2022.

- 8.2 Sehingga hari ini, MPS telah menerima sebanyak **996 responden** dan saya berharap dengan berbaki 11 hari lagi, bilangan ini akan terus meningkat.
- 8.3 Oleh itu, saya berharap agar Ahli-ahli Majlis dapat menguar-uarkan kepada penduduk di zon masing-masing dan berpeluang untuk menerima RM100.00 kepada 20 responden bertuah. Kaji selidik ini boleh diisi melalui pautan di laman web MPS, platform media sosial MPS dan kod Qr di skrin.

## 9. KEJAYAAN MPS TAHUN 2022

- 9.1 Seperti semua sedia maklum, hari ini adalah merupakan Mesyuarat Majlis yang terakhir dan tahun 2022 bakal melabuhkan tirainya. MPS juga telah menyambut ulang tahun ke-25 di mana telah menyaksikan banyak kecemerlangan dan kejayaan yang dapat kita banggakan.
- 9.2 Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak

langsung dalam menjayakan program-program sempena sambutan 25 tahun MPS pada tahun ini. Pelbagai cabaran telah kita harungi demi untuk merealisasikan pelaksanaan program-program tersebut.

- 9.3 Saya percaya, segala pencapaian ini tidak akan dapat dikecapi tanpa anda semua, warga MPS. Sokongan padu sepanjang 25 tahun ini menjadikan MPS sebuah perbandaran yang mampan, penuh kemakmuran dan kelestarian.

## **10. UCAPAN SELAMAT HARI NATAL DAN SELAMAT TAHUN BAHARU 2023**

- 10.1 Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Natal kepada Ahli-Ahli Majlis dan semua warga MPS yang beragama Kristian dan juga Selamat Tahun Baharu 2023 kepada semua.

- 10.2 Semoga pada tahun 2023 kita dapat mengekalkan prestasi cemerlang dan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menyampaikan kualiti perkhidmatan terbaik dan penuh kemakmuran.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.